Ringgit

APRIL 2012

RAKAN KEWANGAN ANDA

ISSN 2180-3684 • Bil 4/12 • KKDN: PP 16897/05/2012 (029730)



Penipuan Kewangan: Jangan Jadi Mangsa

di dalam RINGGIT bulan ini

- Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia Bagi Yang Tidak Berpendapatan Tetap
- Tip Penggunaan Berhemat
- Insurans Perubatan dan Kesihatan (Bahagian 1)
- Apa Yang Anda Perlu Ketahui Tentang Kad Kredit?

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

FOMCA
GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu bt Zakaria
Yu Kin Len

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B Tingkat 2
Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Penipuan Kewangan – Sindiket Penipuan Tanah

Bank Negara Malaysia telah menerima aduan daripada segelintir pemilik tanah mengenai skim penipuan kewangan yang menggunakan nama Bank Negara Malaysia untuk menipu para pemilik tanah tersebut bagi tujuan mendapatkan salinan kad pengenalan serta geran tanah daripada mangsa.

Pihak yang menipu pada kebiasaannya akan menggunakan pelbagai jenis skim yang modus operandinya sentiasa berubah-ubah untuk memperdaya serta mengelirukan orang ramai. Mereka seringkali akan menyamar sebagai pegawai kerajaan, pegawai penguatkuasa seperti polis, pegawai bank, penjawat awam dan juga pegawai dari Bank Negara Malaysia untuk menipu mangsa.

Modus operandi Sindiket Penipuan Tanah

Modus operandi terkini yang digunakan untuk menipu pemilik-pemilik tanah adalah seperti berikut:

- Mangsa didatangi oleh individu yang menyamar sebagai wakil daripada sebuah syarikat pengurusan dan perkhidmatan yang memberitahu mengenai tindakan Bank Negara Malaysia telah membekukan satu akaun kerajaan yang mempunyai sejumlah wang yang besar di dalamnya.
- Bagi membolehkan wang tersebut dikeluarkan, pihak Kerajaan telah mengarahkan pemilik-pemilik tanah untuk menyerahkan salinan kad pengenalan dan geran tanah masing-masing.
- Sebagai balasan, pemilik tanah yang berkenaan akan diberi RM350,000, iaitu RM100,000 akan digunakan bagi membiayai kempen pilihan raya akan datang.
- Setakat ini, terdapat beberapa pemilik tanah yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal yang telah menjadi mangsa skim penipuan ini. Mereka telah menyerahkan dokumen-dokumen yang diminta kepada pihak yang menipu.

Bank Negara Malaysia memandang serius mengenai kes penipuan yang membabitkan nama Bank Negara Malaysia serta agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Terdapat pihak-pihak yang menipu dan telah mengambil kesempatan ke atas orang ramai yang masih kurang maklum mengenai kes-kes penipuan sedemikian.

Langkah-langkah untuk mencegah daripada menjadi mangsa skim penipuan

Bagi memastikan orang ramai, khususnya masyarakat luar bandar sentiasa peka mengenai penipuan kewangan, Bank Negara Malaysia serta agensi-agensi lain, seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC), sentiasa memberi peringatan melalui media masa seperti di akhbar dan melalui laman sesawang masing-masing mengenai kes-kes penipuan kewangan terkini. Pelbagai kempen kesedaran secara besar-besaran telah dilaksanakan bagi memberi peringatan kepada orang ramai untuk memastikan mereka tidak menjadi mangsa penipuan kewangan, termasuklah penipuan yang menggunakan nama pegawai-pegawai agensi yang berkenaan.



"Terdapat pihak-pihak yang menipu dan telah mengambil kesempatan ke atas orang ramai yang masih kurang maklum mengenai kes-kes penipuan sedemikian."

Orang ramai perlu berwaspada bahawa:

(1) Bank Negara Malaysia atau agensi-agensi Kerajaan tidak akan menghubungi pelanggan untuk meminta maklumat atau menyerahkan salinan kad pengenalan atau menyerah geran tanah.

(2) Kerajaan tidak akan meminta orang ramai yang menjadi pemilik tanah untuk membiayai kempen pilihan raya.

(3) Orang ramai perlu sentiasa berwaspada terhadap cubaan yang dilakukan oleh pihak yang menipu dan menghubungi pihak-pihak berkuasa yang berkenaan sekiranya mereka memerlukan penjelasan lanjut. Orang ramai juga boleh menghubungi pusat khidmat pelanggan Bank Negara Malaysia iaitu BNMLINK dan BNMTELELINK bagi mendapatkan penjelasan, nasihat atau membuat aduan berhubung isu penipuan kewangan.

(4) BNMLINK dan BNMTELELINK boleh dihubungi seperti berikut:

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
(*Waktu urusan: Isnin – Jumaat, 9:00pg – 5:00ptg*)

atau kunjungi cawangan BNMLINK di Cawangan Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching dan Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia di Johor Bahru dan Pulau Pinang

BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Pelanggan)
Tel : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
(*Waktu urusan: Isnin – Jumaat, 9:00pg – 5:00ptg*)

Untuk menghantar pertanyaan melalui **perkhidmatan SMS**, sila taip:
BNM TANYA [pertanyaan/aduan anda] dan hantar kepada 15888
(Penghantar akan dikenakan caj oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi sebanyak RM0.15 bagi menghantar mesej dan RM0.20 untuk menerima mesej)

Untuk maklumat lanjut berhubung aktiviti penipuan kewangan dan langkah-langkah pencegahan, orang ramai boleh melawat laman amaran penipuan kewangan yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia di **http://fraudalert.bnm.gov.my.**



Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia Bagi Yang Tidak Berpendapatan Tetap

Melangkah ke alam persaraan mungkin suatu perkara yang membimbangkan, lebih-lebih lagi apabila anda bekerja sendiri dan tidak mempunyai pendapatan tetap untuk menampung perbelanjaan pada hari tua nanti. Kini anda boleh menarik nafas lega apabila Kerajaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memperkenal "Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia" bagi membolehkan rakyat Malaysia yang tidak mempunyai pendapatan tetap untuk menabung bagi menghadapi persaraan mereka.

Skim ini mula dilaksanakan pada 3 Januari 2010, dengan tujuan untuk menggalakkan golongan yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai pendapatan tetap mencarum secara sukarela dalam tabung persaraan ini mengikut kemampuan masing-masing.

Siapa yang layak untuk memohon Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia (SP1M)?

Anda layak memohon untuk skim SP1M sekiranya anda merupakan warganegara Malaysia, bekerja sendiri dan tidak mempunyai pendapatan tetap.

Anda juga perlu berdaftar sebagai ahli KWSP. Walau bagaimanapun, ahli KWSP yang masih lagi bekerja dan mempunyai majikan tidak layak menyertai skim ini.

Siapakah golongan 'bekerja sendiri' dan 'individu yang tidak mempunyai pendapatan tetap'?

Contohnya seperti golongan petani, pemandu teksi, nelayan, peniaga, *free-lancers,* pelakon, ahli muzik dan pemilik perniagaan kecil-sederhana.

Bagaimana saya boleh menyertai skim ini?

Sekiranya anda menepati segala syarat yang ditetapkan, anda hanya perlu mengisi borang Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia iaitu Borang **KWSP 16G (1M)** yang boleh diperoleh di mana-mana Cawangan KWSP atau dimuat turun daripada laman sesawang myEPF di **www.kwsp.gov.my** dan kemudian menghantar terus ke cawangan KWSP terdekat. Selain itu, anda juga boleh menghantar borang tersebut melalui kiriman mel.

Jika anda belum berdaftar sebagai ahli KWSP, anda perlu melengkapkan Borang 3 KWSP terlebih dahulu dan menghantarnya berserta dengan satu salinan myKad di mana-mana Cawangan KWSP.

Berapakah jumlah yang perlu saya mencarum setiap bulan?

Anda boleh mencarum secara bulanan mengikut tahap kemampuan anda dengan jumlah minimum sebanyak RM50 dan tiada had maksimum.

Keseimbangan perniagaan saya sukar diramal dan saya mungkin tidak dapat mencarum setiap bulan. Apa akan terjadi sekiranya ini berlaku?

Skim SP1M merupakan skim caruman secara sukarela. Oleh itu, anda tidak perlu mencarum setiap bulan. Sungguhpun begitu, anda digalakkan untuk mencarum secara konsisten walaupun dengan jumlah yang sedikit bagi memastikan anda mempunyai simpanan untuk persaraan.

Di mana boleh saya membayar caruman?

Caruman boleh dibayar secara tunai atau cek dengan menggunakan Borang Pembayaran 6A(2) KWSP di Kaunter Pembayaran KWSP seluruh negara.

Adakah simpanan saya akan menerima dividen tahunan?

Ya. Simpanan di bawah skim ini akan terus menikmati dividen tahunan mengikut kadar dividen yang diumumkan oleh KWSP. Dividen ini membantu anda meningkatkan lagi simpanan persaraan.

Apakah sumbangan tambahan yang diterima daripada Kerajaan?

Simpanan di bawah skim ini akan menerima sumbangan daripada Kerajaan sebanyak 5 peratus dan tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM60 setahun. Sumbangan ini diberi sehingga tahun 2014. Untuk makluman, sumbangan Kerajaan sebanyak 5 peratus tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM60 setahun hanya terhad kepada ahli yang berumur kurang 55 tahun. Bagaimanapun, ahli yang mencapai umur melebihi 55 tahun boleh terus mencarum tetapi tidak menerima sumbangan Kerajaan. Mereka hanya menerima dividen yang diisytiharkan KWSP setiap tahun. Dividen KWSP akan dibayar sehingga ahli mencapai umur 75 tahun.



"Anda boleh mencarum secara bulanan mengikut tahap kemampuan anda dengan jumlah minimum sebanyak RM50 dan tiada had maksimum. "

Bolehkah simpanan ini dikeluarkan?

Ya. Oleh kerana simpanan di bawah SP1M merupakan sebahagian daripada simpanan ahli KWSP sendiri, maka ahli boleh mengeluarkan simpanan mereka di bawah jenis-jenis pengeluaran sedia ada KWSP mengikut prosedur dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Untuk makluman lanjut berkaitan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia, sila hubungi Pusat Panggilan KWSP di 03-8922 6000 atau layari laman sesawang myEPF di **www.kwsp.gov.my.**

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja



Tip Penggunaan Berhemat

Berikut adalah beberapa tip sebagai panduan kepada pengguna untuk menjalani kehidupan yang lebih berhemat.

1. **Membandingkan harga**
   Membandingkan harga bagi barang yang sama di tempat membeli belah yang berlainan. Semasa membuat perbandingan, pastikan berat dan kualiti adalah sama.

2. **Melihat risalah**
   Kebanyakan rumah di bandar sering menerima risalah daripada pelbagai pusat membeli belah. Buat perbandingan berdasarkan risalah-risalah tersebut untuk mendapatkan tawaran harga yang paling baik.

3. **Berubahlah kepada barangan generik atau jenama pasar raya**
   Anda boleh berjimat antara 15% hingga 40% jika menggunakan barang generik atau jenama pasar raya besar. Biasanya kualiti barang generik dan barang berjenama tidak banyak perbezaannya.

4. **Makan di rumah**
   Kurangkan makan di luar. Makan di rumah bukan sahaja murah tetapi lebih sihat.

5. **Merancang pembelian**
   Sebelum membeli belah, sediakan senarai barangan yang ingin dibeli dan patuhi senarai tersebut.

6. **Mengira kos seunit**
   Apabila membuat perbandingan harga, terutama buah-buahan dan sayur-sayuran serta barang yang berbungkus, buat pengiraan berdasarkan kos seunit.

7. **Gunakan bakul**
   Jangan menggunakan troli, tetapi gunalah bakul. Ini boleh mengurangkan pembelian berdasarkan gerak hati kerana berat barang yang dibawa menyebabkan anda mengurangkan masa untuk melihat-lihat barang lain. Ini dapat mengurangkan pembelian.

8. **Mengetahui sistem jualan**
   Anda perlu mengetahui bila kedai di tempat yang anda selalu membeli belah akan mengurangkan harga barangan yang akan tamat tempoh. Ambil peluang ini dan gunakan sebelum tarikh luput berakhir.

9. **Menyemak resit dan jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan di pasar raya**
   Ini akan memastikan bahawa anda mengetahui apa yang dibelanjakan dibandingkan dengan bajet yang telah disediakan sebelum itu. Anda akan lebih berhati-hati semasa berbelanja. Anda juga boleh menyemak semula barang yang dibeli dengan resit untuk memastikan tiada kesilapan yang dibuat di kaunter pembayaran.

10. **Membeli secara tunai**
    Ini adalah cara paling efektif untuk mematuhi bajet yang ditetapkan. Menggunakan kad kredit selalunya menyebabkan anda untuk berbelanja lebih.

11. **Pandang bahagian rak atas dan bawah**
    Pasar raya selalunya menempatkan barang lebih mahal pada paras mata seseorang. Oleh itu, lihat barang yang sama pada rak yang di bahagian bawah atau atas yang harganya lebih murah.



"Lihat barang yang sama pada rak yang di bahagian bawah atau atas yang harganya lebih murah."

12. **Elakkan pembelian mengikut gerak hati**
Pembelian mengikut gerak hati menyebabkan anda berbelanja lebih. Barang yang ditempatkan di lokasi yang strategik seperti di kaunter pembayaran akan mempengaruhi anda untuk membeli mengikut gerak hati.

13. **Bandingkan buah-buahan atau sayur-sayuran siap dibungkus dan dijual secara lambak**
Bandingkan harga barang secara lambak dengan harga barang yang dibungkus. Berhati-hati dan teliti sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada barang yang telah siap dibungkus.

14. **Menanam sayur-sayuran sendiri**
Banyak sayur-sayuran dan buah-buahan yang boleh ditanam sendiri seperti cili, bendi, betik dan terung. Dengan cara ini, anda bukan sahaja dapat berjimat, tetapi juga dapat makan makanan yang segar.

15. **Membeli barang yang boleh diguna semula**
Membeli barang yang boleh diguna semula sama seperti bateri yang boleh dicas semula atau barang yang bekasnya boleh diguna semula – anda hanya perlu membeli isian semula barangan tersebut (biasanya lebih murah daripada dibeli dengan bekas sekali).

16. **Jimatkan elektrik dan air**
Menutup suis peralatan elektrik yang tidak digunakan. Kebanyakan peralatan elektrik sebenarnya masih menggunakan elektrik walaupun telah ditutup. Tadah air hujan untuk kegunaan menyiram tanaman. Gunakan kaedah yang boleh mengoptimumkan penggunaan elektrik dan meminimumkan pembaziran air di rumah.

17. **Penggunaan petrol**
Jika anda dapat menggantikan beberapa perjalanan yang pendek kepada satu perjalanan yang panjang, anda akan dapat menjimatkan petrol dan masa perjalanan. Selenggara kereta anda dengan baik untuk mengoptimumkan penggunaan petrol.

18. **Menggunakan pengangkutan awam**
Jika ada peluang, gunakan pengangkutan awam. Ini akan mengurangkan penggunaan petrol, tol dan bayaran tempat letak kereta.

19. **Prinsip 24 jam. Menunggu sehingga 24 jam sebelum membuat keputusan pembelian bagi barang yang sangat berharga**
Ini perlu dilakukan terutamanya bagi barang yang sangat berharga ataupun didesak oleh jurujual. Untuk membeli, selalu katakan bahawa anda ingin pulang dan berfikir. Jangan sesekali mengambil keputusan pada masa itu juga. Selepas membuat keputusan dan fikir masak-masak, sekiranya memang berbaloi untuk membelinya, baharulah anda beli barang tersebut.

20. **Kurangkan kemewahan**
Lihat semula apa yang anda belanjakan. Bezakan antara keperluan dan kehendak anda. Jika boleh, kurangkan perbelanjaan yang mewah dan barang yang memang anda tidak perlukan, terutamanya apabila ia memakan perbelanjaan yang besar.

21. **Membawa bekalan makanan ke tempat kerja atau sekolah**
Ini dapat menjimatkan perbelanjaan harian anda dan menjamin kehidupan yang lebih sihat.

22. **Patuhi pada bajet yang ditetapkan**
Bajet dapat membantu anda menentukan berapa banyak perbelanjaan yang dilakukan. Ia menyenaraikan semua aliran masuk tunai dan aliran keluar tunai yang dijangkakan untuk membantu anda membuat keputusan kewangan secara berhemat. Anda memerlukan bajet tidak kira sama ada pendapatan anda RM1,000 atau RM10,000 sebulan.

Insurans Perubatan Dan Kesihatan (Bahagian 1)



Apakah Insurans Perubatan dan Kesihatan (IPK)?

Polisi IPK pada asasnya direka untuk melindungi kos rawatan perubatan swasta, seperti kos kemasukan ke hospital dan penjagaan kesihatan, sekiranya anda didiagnosis dengan penyakit yang dilindungi atau ditimpa kemalangan.

Perlindungan insurans ini disediakan oleh syarikat insurans berlesen, sebagai balasan premium yang anda bayar. Pastikan anda hanya berurusan dengan syarikat insurans berlesen atau ejen yang sah atau broker insurans berlesen apabila anda membeli polisi IPK.

Mengapakah saya patut membeli polisi IPK?

Polisi IPK dapat membantu anda membayar pelbagai perbelanjaan hospital dan perubatan sekiranya anda jatuh sakit atau cedera. Perbelanjaan ini termasuk kos bilik hospital, fi profesional dan pembedahan serta kos ubat-ubatan dan rawatan. Polisi IPK juga akan dapat membantu anda sekiranya anda tidak dapat bekerja kerana sakit atau cedera.

Jenis-jenis polisi IPK

Terdapat empat jenis polisi utama IPK:

- **Insurans hospital dan pembedahan** menampung perbelanjaan kemasukan hospital dan pembedahan disebabkan penyakit yang dilindungi di bawah polisi ini.
- **Insurans penyakit kritikal** menyediakan pembayaran manfaat secara sekali gus apabila anda didiagnosis menghidapi mana-mana 36 penyakit kritikal atau penyakit-penyakit yang telah ditetapkan oleh syarikat insurans.
- **Insurans pendapatan akibat hilang upaya** menyediakan sumber pendapatan yang berterusan apabila anda tidak lagi dapat bekerja akibat sakit atau cedera.
- **Insurans pendapatan hospital** membayar anda sejumlah wang tertentu secara harian, mingguan atau bulanan, tertakluk kepada had tahunan, sekiranya anda perlu tinggal di hospital kerana penyakit yang dilindungi, tidak sihat atau cedera.

Manfaat yang dilindungi di bawah polisi IPK

Pembayaran manfaat bergantung kepada jenis polisi yang anda beli. Anda mesti meneliti kontrak polisi untuk mengetahui butir-butir manfaat, misalnya apa yang dilindungi dan apa yang tidak dilindungi, bila dan bagaimana manfaat akan dibayar.

Polisi kemasukan ke hospital dan pembedahan melindungi perkara-perkara seperti berikut:

Biasanya dilindungi

- Penginapan hospital dan belanja rawatan
- Perbelanjaan pembedahan (fi pakar bedah dan kos yang berkaitan dengan pembedahan)
- Perbelanjaan doktor perubatan
- Ujian untuk pesakit yang masuk wad

Kadang-kadang dilindungi

- Tuntutan luar negeri
- Manfaat kemalangan maut
- Ujian atau perundingan untuk pesakit luar

Biasanya tidak dilindungi

- Bersalin
- Penyakit kongenital
- Kecederaan akibat kemalangan atau sakit kerana terlibat dalam perlumbaan, contohnya perlumbaan kereta atau motosikal
- Pembedahan kosmetik atau plastik
- Rawatan pergigian termasuk pembedahan mulut

Perkara penting yang perlu dipertimbangkan apabila membeli polisi IPK

- **Buat pilihan bijak sebelum membeli** – Polisi berbeza-beza berdasarkan perlindungan, manfaat dan kos (iaitu premium), dan perkhidmatan berbeza mengikut syarikat. Buat perbandingan terlebih dahulu sebelum membeli.
- **Jangan beli lebih daripada apa yang anda mampu** - satu polisi yang komprehensif adalah lebih baik dan murah daripada membeli beberapa polisi yang perlindungannya bertindih atau serupa.
- **Ketahui dengan siapa anda berurusan** – Berurusanlah dengan syarikat insurans berlesen atau dengan ejen yang sah atau broker insurans berlesen apabila anda membeli polisi IPK. Jika anda ragu-ragu, minta bukti pendaftaran ejen tersebut atau terus hubungi syarikat insurans berkenaan. Sila maklum bahawa kad nama tidak menjaminkan seseorang itu adalah ejen yang sah.
- **Dapatkan maklumat tentang ejen dan syarikat insurans** – Tulis nama ejen dan/atau nama syarikat insurans, alamat dan nombor telefon atau minta kad nama. Maklumat ini penting sekiranya anda ingin membuat pertanyaan, pembaharuan atau tuntutan ke atas polisi.
- **Ambil masa** – Jangan membeli polisi kerana didesak. Ejen insurans yang profesional tidak akan terburu-buru menyuruh anda membeli sesuatu polisi. Sekiranya anda ragu-ragu sama ada polisi itu adalah seperti yang anda perlukan, tanya kepada ejen atau minta syarikat insurans menerangkannya dengan betul kepada anda.
- **Isikan borang permohonan dengan teliti** – Sekiranya anda telah membuat keputusan untuk membeli sesuatu polisi, anda perlu mendedahkan fakta-fakta penting kepada syarikat insurans. Sesetengah syarikat insurans akan meminta maklumat perubatan anda secara terperinci. Sekiranya anda tidak memberikan maklumat yang diminta sepenuhnya, perlindungan boleh ditolak untuk suatu tempoh tertentu. Syarikat insurans juga boleh menolak tuntutan untuk rawatan bagi penyakit yang tidak didedahkan dan/atau membatalkan polisi anda.
- **Teliti butir-butir perlindungan** – Apabila anda ditawarkan supaya membeli polisi IPK, anda sepatutnya diberi risalah mengandungi ciri-ciri penting polisi IPK tersebut. Selepas membeli polisi, anda akan diberi kontrak polisi. *Baca dengan teliti terma dan syarat di dalam kontrak berkenaan.*
- **Jangan bayar secara tunai –** Bayar dengan cek, kiriman wang, auto debit atau draf bank yang dibayar atas nama syarikat insurans, *bukan atas nama ejen atau orang lain*. Dapatkan resit yang mengandungi nama, alamat dan nombor telefon syarikat insurans untuk rekod anda.
- **Notifikasi mengenai keputusan permohonan –** Syarikat insurans perlu membuat keputusan sama ada untuk menerima atau tidak permohonan anda dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan. Jika anda tidak menerimanya dalam tempoh tersebut, anda perlu menghubungi syarikat insurans dan dapatkan penjelasan secara bertulis tentang kelewatan berkenaan.
- **Baca kontrak polisi dengan teliti** – Pastikan bahawa salinan asal permohonan dilampirkan bersama-sama dengan polisi, dan ia memberi maklumat perubatan anda yang lengkap dan tepat. Semak semula jadual manfaat dan pastikan maklumat adalah betul seperti apa yang anda kehendaki. Pastikan tidak ada sebarang muka surat yang hilang di dalam polisi dan tidak ada "rider" atau pengecualian yang di luar jangkaan.

***Mustahak**: Polisi anda adalah kontrak yang sah di sisi undang-undang. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenainya, hubungi syarikat insurans dan selesaikannya dalam masa 15 hari. Tempoh 15 hari ini memberikan anda masa untuk menentukan sama ada polisi insurans tersebut adalah bersesuaian untuk keperluan anda. Dalam tempoh ini, anda berhak untuk menolak polisi tersebut tanpa obligasi.*

Sumber: info insurans



Apa Yang Anda Perlu Ketahui Tentang Kad Kredit?

Sebelum menggunakan kad kredit, anda perlu memahami terma dan syarat yang diberikan seperti berikut:-

Had kredit

Ini adalah had maksimum ditetapkan bagi setiap kad. Jika had ini habis digunakan, anda tidak boleh menggunakan kad sehingga anda menjelaskan sebahagian daripada bayarannya.

Lazimnya, had kad kredit adalah 2 hingga 3 kali ganda pendapatan bulanan anda. Sekiranya anda menggunakan had maksimum, ini bermakna anda telah membelanjakan 2 hingga 3 bulan pendapatan masa depan anda!

Yuran dan caj

Terdapat pelbagai jenis yuran dan caj yang anda perlu fahami termasuk:-

- **Yuran penyertaan –** Pengeluar kad kredit mungkin akan mengenakan yuran penyertaan sekali sahaja. Yuran ini mungkin berbeza antara satu pengeluar kad dengan yang lain.

- **Yuran tahunan –** Ini adalah yuran yang perlu dibayar apabila anda telah menerima kad kredit. Terdapat juga pengeluar kad kredit yang mengecualikan yuran ini jika anda memenuhi syarat penggunaan kad kredit anda.

- **Caj kewangan –** Ini adalah caj yang dikenakan ke atas baki yang belum dijelaskan selepas tarikh akhir pembayaran dan dikira berdasarkan baki harian.

  Pada masa ini, pemegang kad kredit dikenakan kadar faedah secara bertingkat. Ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan kad kredit secara berdisplin. Sila rujuk jadual di bawah bagi kadar faedah bertingkat.

- **Yuran pendahuluan wang tunai –** Yuran ini dikenakan setiap kali pendahuluan wang tunai dilakukan, dan biasanya antara 3% hingga 5%. Yuran ini merupakan caj kewangan tambahan dan dikira dari tarikh wang tunai tersebut diambil.

- **Caj bayaran lewat –** Ini adalah caj yang dikenakan jika anda gagal menjelaskan jumlah minimum bulanan sebelum tarikh akhir pembayaran yang ditetapkan. Jika anda membayar selepas tarikh ini, anda akan dikenakan caj kewangan (faedah ke atas baki belum jelas) dan juga caj bayaran lewat.

- **Cukai perkhidmatan –** Bermula tahun 2010, setiap kad kredit akan dikenakan cukai perkhidmatan tahunan sebanyak RM50 ke atas pemegang kad utama dan RM25 ke atas pemegang kad sampingan. Bayaran ini akan dimasukkan dalam penyata kad kredit anda.

Rekod pembayaran balik	Kadar Faedah
Pemegang kad yang menjelaskan bayaran minimum selama 12 bulan berturut-turut	Sehingga 15% setahun
Pemegang kad yang menjelaskan bayaran minimum selama 10 bulan atau lebih sepanjang tempoh 12 bulan	Sehingga 17% setahun
Lain-lain	Sehingga 18% setahun

Tempoh tanpa faedah

Anda boleh menikmati tempoh tanpa faedah, kebiasaannya antara 20 hingga 50 hari dari tarikh urus niaga mula direkodkan, sekiranya anda tidak mempunyai sebarang jumlah tertunggak dari bulan sebelumnya.

Oleh itu, sekiranya anda hanya membayar sebahagian atau jumlah minimum baki yang perlu dibayar, anda akan dikenakan faedah ke atas semua pembelian yang dibuat melalui kad kredit dari tarikh urus niaga direkodkan

Ini bermaksud, jika bil kad kredit anda tidak dijelaskan dengan sepenuhnya pada tarikh akhir pembayaran dan baki dibawa ke bulan berikutnya, anda tidak akan menikmati tempoh tanpa faedah. Faedah akan dikenakan ke atas urus niaga yang seterusnya dan faedah ini akan dikompaun pada kadar harian sehingga baki dibayar sepenuhnya.

Kemudahan Pemindahan Baki

Pemindahan baki membolehkan pemegang kad kredit memindahkan semua atau sebahagian daripada baki kad kredit dari satu bank ke bank yang lain untuk tujuan menjimatkan caj faedah. Biasanya, bank akan menawarkan kemudahan ini pada kadar "promosi" untuk menggalakkan anda memindahkan baki kad kredit kepada mereka. Ini mungkin cadangan yang baik kerana anda dapat menjimatkan kos faedah.

Walau bagaimanapun, sebelum memutuskan pemindahan baki, tanya diri anda soalan berikut:-

- Berapa lamakah kadar "promosi" ini ditawarkan?
- Apakah kadar efektif selepas tamat tempoh kadar promosi tersebut?



- Adakah kadar promosi ini juga untuk pembelian baru?
- Adakah anda akan dikenakan yuran pemindahan baki?
- Adakah anda akan dikenakan yuran pembatalan atau penyelesaian awal?

Walaupun ini mungkin strategi yang baik untuk mengurangkan caj faedah ke atas baki kad kredit yang belum dibayar, namun anda perlu juga meneliti terma dan syarat kemudahan seperti ini.

Contohnya, ada syarat yang menyatakan anda hanya boleh membuat bayaran minimum 5% ke atas jumlah yang dipindahkan sewaktu tempoh promosi, dan anda dilarang membayar lebih atau melangsaikan sepenuhnya. Selain itu, mungkin ada tempoh "*lock-in*" yang melarang anda memindahkan baki ke bank lain tanpa membayar penalti terlebih dahulu. Sekiranya anda masih menggunakan kad yang telah dipindahkan bakinya, pastikan anda menggunakan baki had kad tersebut secara berhemat. Ini adalah untuk mengelakkan anda daripada berbelanja melebihi kemampuan anda.

Anda juga perlu mematuhi jumlah dan tempoh pembayaran yang telah dipersetujui. Jika anda gagal membuat bayaran mengikut jumlah dan masa yang ditetapkan, kadar promosi akan bertukar kepada kadar biasa atau 17.5% berserta dengan caj bayaran lewat dan penalti yang lain. Syarat di atas juga merangkumi "skim bayaran ansuran fleksibel" yang ditawarkan.

Skim bayaran fleksibel/skim tanpa faedah

Kemudahan ditawarkan oleh pengeluar kad kredit dan peniaga terpilih yang membolehkan pemegang kad membayar pembelian secara ansuran antara 3 hingga 24 bulan tanpa faedah bergantung kepada had kredit pemegang kad.

Liabiliti pemegang kad sampingan

Pemegang kad utama akan dipertanggungjawabkan untuk menanggung semua pembayaran ke atas pembelian yang dibuat oleh pemegang kad sampingan. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengeluar kad kredit memerlukan pemegang kad sampingan menanggung liabiliti sekiranya pembayaran tidak dibuat.

Sumber: Buku POWER! Pengurusan wang ringgit anda oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

JANGAN JADI MANGSA!

Berhati-hati dengan penipuan kewangan melalui panggilan telefon, e-mel dan SMS

Sentiasa Berjaga-jaga!

Jangan dedahkan maklumat keselamatan kewangan anda kepada sesiapa sahaja dalam apa jua keadaan pun, sekiranya anda menerima panggilan telefon, SMS atau e-mel yang tidak diundang. Lindungi diri anda dengan tidak melayan mana-mana pihak tidak diundang yang menghubungi anda.

Untuk sebarang pertanyaan atau nasihat lanjut, sila hubungi Bank Negara Malaysia di:

BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Pelanggan)

1-300-88-5465

Faks : 03-2174 1515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
(Waktu urusan: Isnin – Jumaat, 9:00 pagi – 5:00 petang)

Bank Negara Malaysia dan bank perdagangan TIDAK AKAN menghubungi anda meminta maklumat tersebut. Kami juga tidak akan meminta anda membuat sebarang pemindahan wang. Jika anda telah menerima permintaan seperti itu, JANGAN mengendahkannya.

Untuk menghantar pertanyaan melalui perkhidmatan sila taip: **BNM TANYA** [pertanyaan/ aduan anda] dan hantar kepada 15888

http://fraudalert.bnm.gov.my

http://facebook.com/bnm.official

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman web : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman web : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman web : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my